

01/01/1997

JPM perjas maksud Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib tidak membuat pengakuan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa wang yang dibawa dan tidak diisytiharkannya di Brisbane baru-baru ini kepunyaannya seperti dilaporkan akhbar hari ini.

Ini dinyatakan oleh pejabat Perdana Menteri hari ini.

"Perdana Menteri menafikan sekeras-kerasnya bahawa Tan Sri Muhammad mengakui kepada beliau bahawa wang itu kepunyaannya," menurut kenyataan satu muka surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri.

Menurut kenyataan itu, apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah Muhammad mengakui kepada pihak Australia bahawa wang yang dibawanya adalah kepunyaannya kerana beliau yang membawa wang itu.

"Tetapi beliau tidak memberitahu Perdana Menteri bahawa wang itu kepunyaan beliau. Beliau menjelaskan bahawa wang yang dibawanya milik adik beradiknya.

"Perdana Menteri tidak menyatakan ini kerana beliau mahu Tan Sri Muhammad menjelaskannya sendiri," menurut kenyataan itu.

Pemberita menanyakan isu itu kepada Dr Mahathir selepas beliau menyaksikan pengeluaran kesejuta kereta Proton di Shah Alam semalam. Muhammad bertemu Perdana Menteri Sabtu lalu dan menghadap Sultan Selangor pada Ahad untuk memberi penjelasan.

Muhammad memberitahu sidang akhbar semalam bahawa wang itu diamanahkan oleh adik-beradiknya untuk membeli hartanah di Gold Coast Brisbane.

Beliau ditahan pada 22 Disember di Lapangan terbang Brisbane kerana gagal mengisytiharkan S\$1juta (RM 1.7 juta) dan RM700,000 dalam bagasinya dan dijadual menghadiri Mahkamah Majistret Brisbane pada 21 Mac.

Muhammad yang berlepas ke New Zealand dari Brisbane berkata beliau membawa pulang wang itu kerana dua daripada adik-beradiknya tidak hadir bagi menyelesaikan perjanjian jual-beli bagi hartanah itu untuk kemudahan anak-anak mereka yang akan melanjutkan pelajaran di Australia.

Mengikut undang-undang Australia, mereka yang meninggalkan negara itu perlu mengisytiharkan jumlah wang yang melebihi A\$5,000 (RM10,000) dalam apa jua mata wang.

Dr Mahathir semalam berkata, penjelasan Menteri Besar Selangor berhubung penahanannya di Brisbane kerana membawa sejumlah wang yang banyak itu, perlu dilihat secara adil dan bukan berasaskan sangkaan buruk.

(END)